

NAMA : NORSUHAILA BINTI MUDA
NO. K/PENGENALAN : 811222-11-5348
ALAMAT SEKOLAH : SEK.KEB. SERI DUSUN, JALAN MELATI,
08200 SIK KEDAH.
JAWATAN : GURU PEMULIHAN KAS
OPSYEN : PEMULIHAN KHAS
TAJUK PROJEK : TEKNIK 3JARI- CELIK LITERASI

Sinopsis Projek

Kebanyakan murid-murid tahap 1 berupaya menguasai kemahiran asas Literasi. Namun begitu, ada diantara mereka masih lemah dan kurang menguasai kemahiran yang ada seperti kemahiran tiga suku kata .

Mereka berupaya untuk mengeja dengan baik tetapi masih tidak menguasai dalam membatangkan perkataan dan menulis perkataan dengan lancar (imlak). Kebanyakan murid ini akan tertinggal suku kata pertengahan bagi perkataan tersebut. Sebagai contoh perkataan '**negeri**'. Apabila mengeja mereka berupaya melakukan dengan baik. Namun, ketika membatangkan suku kata atau menulis perkataan tersebut salah satu suku kata akan tertinggal dan perkataan yang terhasil adalah '**neri**' . Kes seperti ini banyak berlaku di kalangan murid pemulihan.

Oleh sebab itu, satu inisiatif telah diambil bagi membantu mereka dengan kaedah yang jimat, mudah dan berkesan. Kaedah yang hanya menggunakan anggota badan mereka sendiri. Kaedah ini di panggil “Teknik 3Jari” . Murid mengeja tiga suku kata dengan menggunakan jari tangan. Tangan yang terlibat hanyalah salah satu sahaja mengikut kesesuaian iaitu jari di tangan kanan atau kiri. Bermula ibu jari, untuk suku kata pertama, jari telunjuk suku kata kedua dan seterusnya jari tengah untuk suku kata ketiga. Jari itu sendiri sebenarnya adalah sebagai panduan atau ingatan kepada murid tersebut bahawa perkataan tersebut mempunyai tiga bunyi atau tiga suku kata. Teknik juga telah dipraktikkan di dalam kelas harian dan ini dilihat telah berjaya digunakan kepada murid yang terdahulu.

